

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Cukai produk cecair, gel nikotin bantu atasi isu vape

Kuala Lumpur: Keputusan kerajaan memperkenalkan duti eksais bagi produk cecair atau gel mengandungi nikotin, boleh mengurangkan penggunaan rokok elektronik atau 'vape', terutama dalam kalangan remaja.

Menyambut positif langkah itu, persatuan berkaitan perubahan memuji keputusan berkenaan yang disifatkan selari dengan Artikel 6 Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO FCTC) berkaitan Pencuciaan dan Kawalan Harga.

Bagi Medical Mythbusters, pengenalan duti eksais itu antara lain akan mendorong kenaikan harga produk terabit, menjadikan kosnya lebih tinggi dan boleh mengurangkan penggunaan rokok elektronik atau 'vape'.

"Namun, sistem percuciaan semata-mata tidak mampu menghapuskan tabiat negatif itu secara keseluruhan, sebaliknya wajar dipadankan dengan kawalan ketat, terutama bagi aspek promosi produk merokok," kata NGO berkenaan, semalam.

Medical Mythbusters turut menyokong cadangan kerajaan menghubungkan separuh daripada hasil duti eksais berkenaan diperuntukkan semula kepada Kementerian Kesihatan (KKM) bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan.

"Kajian kesihatan remaja dijalankan KKM pada 2017 dan 2022, mendapati peningkatan peratusan penggunaan rokok elektronik semakin kritikal dengan penggunaan remaja berusia 13 hingga 17 tahun meningkat kepada 14.9 peratus tahun lalu, berbanding 9.8 peratus pada 2017.

"WHO dalam laporan kajian saintifiknya pula mendapati cecair dalam rokok elektronik membawa kemudaratan kepada kesihatan, menyebabkan pelbagai masalah kesihatan terutama EVALI atau 'e-Cigarette or Vaping Product Use Associated Lung Injury'.

"Perkara ini sangat membimbangkan memandangkan peningkatan ketara dalam jumlah pengguna rokok elektronik, terutama dalam kalangan remaja," kata NGO terbabit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi pembentangan Belanjawan 2023 kelmarin, mengumumkan kerajaan bakal memperkenalkan duti eksais bagi produk cecair atau gel mengandungi nikotin untuk rokok elektronik dan vape, mulai tahun ini.

Beliau dilaporkan berkata, biarpun vape dan rokok elektronik masih tidak sah di sisi undang-undang di negara ini, ia dijual secara berleluasa dengan anggaran nilai RM2 bilion.

Manfaat RM36.3b naik taraf fasiliti usia lebih 50 tahun

KKM kenal pasti 1,200 klinik daif, terkesan beban operasi tinggi

Segamat: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memanfaatkan sebaiknya peruntukan RM36.3 bilion yang diterima menerusi Belanjawan 2023, dengan mengutamakan kerja menaik taraf fasiliti kesihatan di seluruh negara, terutama yang melebihi usia 50 tahun.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, berkata KKM mengenal pasti 1,200 klinik kesihatan yang dikategorikan daif dan usang atau terkesan daripada beban pengoperasian yang terlalu tinggi ketika pandemik COVID-19 melanda.

"Klinik kesihatan berusia lebih 50 tahun memang banyak, termasuk di luar bandar dan kawasan pinggir bandar. Bagaimanapun, 400 klinik akan diutamakan terlebih dulu dan kita akan gunakan peruntukan ini sebaiknya," katanya selepas Majlis Penyerahan Projek Bangunan Tambahan Hospital Segamat, di sini semalam.

Pada Khamis lalu, Dr Zaliha dilaporkan berkata, KKM mengemukakan permohonan peruntukan khusus untuk penambahbaikan dan menaik taraf fasiliti kesihatan di seluruh negara dengan kadar segera, terutama 1,200 daripada 3,119 klinik kesihatan KKM melebihi usia 50 tahun, daif dan usang dengan sebahagian besar dibina menggunakan struktur kayu.

Mengenai peruntukan bagi



Dr Zaliha menyaksikan penyerahan replika kunci bangunan tambahan Hospital Segamat oleh Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Ahmad Redza Ghulam Rasool (tiga dari kiri) kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) Kementerian Kesihatan, Datuk Zamzuri Abd Aziz, di sini semalam. (Foto Ahmad Ismail/BH)

lantikan baharu secara tetap dan kontrak kepada lebih 1,500 pegawai perubatan, pegawai perigian dan pegawai farmasi menerusi Belanjawan 2023, Dr Zaliha berkata, Kementerian akan berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) mengenai inisiatif itu bagi penempatan kakitangannya.

Mengenai Projek Bangunan Tambahan Hospital Segamat, beliau berkata, projek bernilai RM90.5 juta dengan pertambahan 67 katil pesakit meliputi Jabatan Kecemasan dan Trauma, Dewan Bedah, Unit Rawatan Rapi (ICU), Unit Dependensi Tinggi (HDU), Jabatan Bekalan Bahan Steril (CSSD) serta Unit Respiratori dan Hemodinamik (RHU) itu dijadual beroperasi secara berfasa mulai 5 Mac depan.

Ahli Parlimen Sekijang itu juga mengumumkan peruntukan

RM600,000 bagi kerja pembinaan 422 lot parkir di Hospital Segamat, sekali gus dijangka mampu mengatasi isu kesesakan yang berlaku apabila bangunan tambahan terabit mula beroperasi kelak.

Baik pulih 400 klinik daif

Sementara itu, Dr Zaliha dalam kenyataan berasingan, memaklumkan kerajaan meluluskan peruntukan RM340 juta bagi membaiki pulih 400 klinik daif, termasuk hospital di seluruh negara dan penyelenggaraan peralatan perubatan meliputi Medical Equipment Enhancement Tenure (MET) sebanyak RM160 juta dan penggantian peralatan perubatan usang RM100 juta.

Beliau berkata, peruntukan Belanjawan 2023 bagi Kementerian kali ini adalah satu permulaan yang amat positif ke arah peningkatan belanjawan sektor kesihatan

kepada lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Peruntukan (RM36.3 bilion) ini bersamaan dengan dua peratus daripada unjuran KDNK 2023 oleh Kementerian Kewangan dan adalah peningkatan berbanding tahun 2022 iaitu 1.89 peratus.

"Bagaimanapun, KKM yakin lima peratus itu dapat dicapai dan dipenuhi oleh kerajaan secara berperingkat dalam masa lima tahun susulan perkembangan ekonomi negara yang semakin pulih dan berkembang pesat," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2023 berkata, sektor kesihatan menerima peruntukan kedua terbesar dalam Belanjawan 2023 iaitu sebanyak RM36.3 bilion berbanding RM32.4 bilion tahun lalu.

BERNAMA

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEGARA

Naik taraf Hospital Pontian kurangkan beban pesakit



HOSPITAL Pontian antara 26 fasiliti kesihatan yang akan dinaik taraf seperti mana diumumkan dalam Belanjawan 2023.

PONTIAN – Pengumuman menaikkan taraf Hospital Pontian disifatkan tepat dan telah lama dinanti-nantikan bagi mengubah 'wajah' hospital yang telah berusia 96 tahun itu.

Seorang penduduk Omar Osman, 65, berkata, telah sampai masanya penduduk Pontian menikmati kemudahan kesihatan lebih baik seperti terdapat di daerah-daerah lain di Johor.

Katanya, perkhidmatan Hospital Pontian bermula pada tahun 1913 di Pekan Permas sebelum berpindah tapak sekarang pada tahun 1927 dengan melalui proses pembesaran.

"Alhamdulillah, akhirnya impian penduduk Pontian tercapai melalui pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak berkenaan sejajar dengan keperluan pada hari ini," katanya.

Bagi pesara Jabatan Kerja Raya (JKR), Ismail Mohd. Amin, 74, menaikkan taraf Hospital Pontian tepat pada masanya bagi mengatasi masalah kesesakan.

Katanya, mengambil kira faktor itu, banyak keluhan dan rungutan penduduk Pontian yang meminta supaya kerajaan mengambil langkah bagi membina semua hospital baru bagi kemudahan semua pihak.

"Dengan menaik taraf dan pembesaran Hospital Pontian tentu akan mengurangkan keskes kecemasan dirujuk ke HSA dan tentunya mengurangkan beban keluarga pesakit nanti," jelasnya.

Bagi peniaga, Tan Si Siang, 65, projek tersebut diharap dapat dilakukan segera kerana ramai pesakit terpaksa memilih hospital swasta memandangkan kurang kemudahan perubatan di sini.

Katanya, situasi tersebut menambah kos pesakit dan keluarga yang sebenarnya boleh diatasi jika Hospital Pontian mempunyai kemudahan rawatan yang cukup.

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEGARA

Bawa anak pada hari Ahad ke Hospital Bentong, namun terpaksa menunggu lama

Pesakit balik tanpa dapat rawatan

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

BENTONG – Terpaksa tunggu berjam-jam sehingga terpaksa balik tanpa mendapatkan rawatan.

Itu adalah isu utama yang dikatakan terus berlaku di Unit Kecemasan Hospital Bentong sehingga menimbulkan persoalan dalam kalangan masyarakat mengenai tahap perkhidmatan kesihatan negara.

Isu yang berlarutan itu menyebabkan ada pesakit yang 'mengamuk' sehingga menimbulkan perbalahan dengan petugas kesihatan, malah ada yang tidak tahan 'membeku' sanggup pulang tanpa berjumpa doktor.

Seorang pekerja di hospital berkenaan yang enggan dikenali berkata, dia bukan sahaja menyaksikan ramai pesakit yang lambat menerima rawatan, malah dia sendiri mengalami nasib yang sama baru-baru ini.

Katanya, dalam kejadian pada Ahad minggu lalu itu, dia membawa anaknya berusia lapan tahun yang telah tiga hari demam ke Unit Kecemasan.

"Pada masa itu badan anak saya sangat panas dan dia dalam keadaan kesejukan, saya sampai pukul 10 pagi dan hingga pukul 5 petang masih belum dipanggil.

"Saya tidak tahu lagi hendak buat apa, hanya mampu memandang anak dalam keadaan sedih dan pilu, saya bukanlah sesiapa dan kerja biasa sahaja, jadi saya bawa anak saya balik terus ke farmasi membeli ubat, de-



PESAKIT mengadu mereka perlu menunggu lama sehingga 10 jam untuk mendapatkan rawatan di Unit Kecemasan Hospital Bentong.

mam," katanya di sini semalam.

Tambahnya, keesokan harinya barulah dia membawa anaknya ke klinik kesihatan berhampiran bagi mendapatkan rawatan.

Dalam pada itu, seorang pesakit, Hasnorliah Abdul Hamid, 35, berkata, dia yang datang bagi melakukan janji temu rawatan susulan masalah retak di jari menunggu dari waktu pagi hingga malam untuk mendapat rawatan.

Katanya, semasa menunggu dia menyaksikan ramai pesakit yang mengeluh sehingga ada

yang menjerit dan bertengkar dengan petugas kesihatan.

"Saya berasa kecewa dengan perkhidmatan di sini yang begitu lambat, saya daftar pukul 11 pagi seperti janji temu dan pada pukul 9 malam barulah saya dapat berjumpa dengan doktor.

"Sebelum ini saya ada masuk berjumpa doktor mengadu lambat dan berlaku pertengkaran sehinggalah doktor mengatakan kalau saya hendak buat aduan ke pihak atasan sila berbuat demikian," katanya.

Seorang pesakit Edham Mo-

hammad, 25, berkata, dia yang baru kemalangan dan mengalami simptom sakit kepala dan muntah telah bergegas ke Unit Kecemasan hospital berkenaan pada pukul 10 malam.

Katanya, selepas menunggu dua jam barulah dia dapat berjumpa doktor selepas seorang individu yang bersimpati dengan keadaannya menggesa doktor memberikan rawatan segera.

"Selepas jumpa, doktor kata saya tiada mengalami apa-apa dan saya balik ke rumah, semasa di rumah saya kembali muntah

dan sakit sebelum pergi semula ke hospital pada pukul 2 pagi bagi mendapatkan rawatan," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Perbandaran Bentong, Datuk Jasvir Singh Ram Singh berkata, dia sering menerima aduan daripada masyarakat mengenai perkhidmatan di hospital berkenaan termasuk isu menunggu lama.

Beliau yang juga Pegawai Khas Menteri Besar meminta isu melibatkan kepentingan rakyat itu diberi perhatian segera bagi memastikan orang ramai mendapat perkhidmatan yang baik.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

KKM manfaat RM36.3b naik taraf fasiliti daif

SEGAMAT - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memanfaatkan sebaiknya peruntukan RM36.3 billion diterima menerusi Belanjawan 2023 dengan mengutamakan kerja-kerja menaik taraf fasiliti kesihatan di seluruh negara terutama yang melebihi usia 50 tahun.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, KKM mengenal pasti 1,200 klinik kesihatan yang dikategorikan daif dan usang atau terkesan daripada beban pengoperasian ketika pandemik Covid-19 yang terlalu tinggi.

"Klinik kesihatan berusia lebih 50 tahun memang banyak termasuk di luar bandar dan kawasan pinggir bandar. Bagaimanapun, 400 buah akan diutamakan terlebih dahulu," katanya selepas Majlis Penyerahan Projek Bangunan Tambahan Hospital Segamat di sini pada Sabtu.

Pada Khamis, Dr Zaliha dilaporkan berkata, KKM mengemukakan permohonan peruntukan khusus untuk penambahbaikan dan menaik taraf fasiliti kesihatan di seluruh negara dengan kadar segera terutamanya 1,200 daripada 3,119 klinik kesihatan KKM telah melebihi usia 50 tahun, daif serta usang dengan sebahagian besar dibina menggunakan struktur kayu.

Mengenai peruntukan bagi lantikan baharu secara tetap dan kontrak kepada lebih 1,500 pegawai perubatan, pegawai pergigian serta pegawai farmasi menerusi Belanjawan 2023, Dr Zaliha berkata,

KKM akan berbincang dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) mengenai inisiatif itu untuk penempatan kakitangannya.

Mengenai Projek Bangunan Tambahan Hospital Segamat, beliau berkata, projek bernilai RM90.5 juta dengan pertambahan 67 katil pesakit melibatkan Jabatan Kecemasan dan Trauma, Dewan Bedah, Unit Rawatan Rapi (ICU), Unit Dependensi Tinggi (HDU), Jabatan Bekalan Bahan Steril (CSSD) dan Unit Respiratori dan Hemodinamik (RHU) itu dijadualkan beroperasi secara berfasa mulai 5 Mac depan.

Ahli Parlimen Sekijang itu juga mengumumkan peruntukan berjumlah RM600,000 bagi kerja pembinaan 422 lot parkir di Hospital Segamat, sekali gus dijangka mampu mengatasi isu kesesakan yang akan berlaku apabila bangunan tambahan tersebut mula beroperasi kelak.

Sementara itu, Dr Zaliha dalam kenyataan berasingan memaklumkan, kerajaan meluluskan peruntukan berjumlah RM340 juta bagi membaik pulih 400 klinik daif termasuk hospital di seluruh negara dan penyelenggaraan peralatan perubatan meliputi Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET) sebanyak RM160 juta dan penggantian peralatan perubatan usang RM100 juta.

Beliau berkata, peruntukan Belanjawan 2023 bagi Kementerian kali ini adalah satu permulaan yang amat positif. - Bernama

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS / NATION

HEALTH MINISTRY'S RM36B ALLOCATION

PRIORITY IS TO UPGRADE OLD FACILITIES, SAYS ZALIHA

Money will be used to repair dilapidated health facilities and maintain equipment

SEGAMAT

THE RM36.3 billion allocated for the Health Ministry in the 2023 Budget will be used to upgrade health facilities nationwide, especially those over 50 years old.

Minister Dr Zaliha Mustafa said the ministry had identified 1,200 health clinics categorised as dilapidated or affected by the high operational burden during the Covid-19 pandemic.

"We will prioritise 400 clinics and use this allocation effectively," she said after the handover of Segamat Hospital's new building here, yesterday.

On Thursday, Dr Zaliha said the Health Ministry had submitted an application for special allocations to upgrade health facilities across the country, as 1,200 of its 3,119 health clinics were over 50 years old and in poor condition, with most of them built out of wood.

Regarding the allocation for 1,500 new permanent and contract medical, dental and pharmaceutical officers in the 2023 Budget, she said the ministry would hold discussions with the Public Services Commission about the placement of staff.

On Segamat Hospital's new building, she said the RM90.5 million structure had space for an additional 67 beds for the Emergency and Trauma Department, operating rooms, intensive care unit, high dependency unit, Central Sterile Supply Department and the respiratory and haemodynamics unit. It is scheduled to operate in phases from March 5.

The Sekijang member of parliament also announced an allocation of RM600,000 for the construction of a 422-vehicle capacity parking lot at Segamat Hospital, which is expected to ease congestion when the new building starts operating.



Dr Zaliha Mustafa

In a separate statement, Dr Zaliha said the government had approved RM340 million to repair 400 dilapidated clinics and hospitals nationwide, RM160 million to maintain medical equipment under the Medical Equipment Enhancement Tenure, and RM100 million to replace obsolete medical equipment.

She also described the overall allocation for the ministry under the 2023 Budget as a very positive start towards increasing the health sector budget to five per cent of gross domestic product (GDP).

"The allocation is equivalent to two per cent of the GDP forecast this year by the Finance Ministry, and is an increase from 1.89 per cent last year.

"However, the Health Ministry is confident that the five per cent rate can be achieved by the government in stages within five years," added Dr Zaliha.

When tabling the 2023 Budget on Friday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that the health sector received the second-highest allocation at RM36.3 billion, compared with RM32.4 billion last year. **Berna-**

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

MOH puts priority on upgrading old facilities

SEGAMAT: The Health Ministry will utilise the RM36.3bil allocation received through Budget 2023 by prioritising the upgrading of health facilities nationwide, especially those over 50 years old.

Its minister Dr Zaliha Mustafa said they have identified 1,200 health clinics categorised as dilapidated or affected by the high operational burden during the Covid-19 pandemic.


"There are many health clinics over 50 years old, including in rural and suburban areas.

"However, we will prioritise 400 clinics and use this allocation effectively," she told reporters after the handing over of Hospital Segamat new building project here yesterday.

On Thursday, Dr Zaliha said the ministry has submitted an application for special allocations to improve and upgrade health facilities across the country with immediate effect, considering that 1,200 of its 3,119 health clinics are over 50 years old, in poor and dilapidated condition, with most of them built on wooden structures.

Regarding the allocation for new permanent and contract positions for more than 1,500 medical officers, dental officers and pharmacists under Budget 2023, Dr Zaliha said the ministry will hold discussions with the Public Services Commission (SPA) on the placement of its staff.

On Hospital Segamat's new build-



VIP visit:
Dr Zaliha checking out new health facilities at Hospital Segamat in Johor.
— Bernama

ing project, she said the project is worth RM90.5mil with additional 67 beds for the Emergency and Trauma Department, operating rooms, Intensive Care Unit, High Dependency Unit, Central Sterile Supply Department, and the Respiratory and Haemodynamics Unit.

It is scheduled to begin operation in phases from March 5.

She also announced an allocation of RM600,000 for the construction of 422 parking lots at Hospital Segamat, which is expected to overcome the congestion issue when the new building starts operating next month.

In a separate statement, Dr Zaliha said the government had approved an allocation of RM340mil to repair 400 dilapidated clinics and hospitals nationwide, RM160mil to maintain medical equipment under the Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET), and RM100mil to replace obsolete medical equipment.

She also described the overall allocation for the ministry under Budget 2023 as a very positive start towards increasing the health sector budget to 5% of the gross domestic product (GDP).

"The allocation is equivalent to

2% of the GDP forecast in 2023 by the Finance Ministry and is an increase from 1.89% in 2022.

"However, the ministry is confident that the 5% rate can be achieved and fulfilled by the government in stages within five years as the country's economy is recovering and growing rapidly," added Dr Zaliha.

During the tabling of Budget 2023 on Friday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that the health sector received the second highest allocation with RM36.3bil compared to RM32.4bil last year. — Bernama